

Badan2 silat diseru duduk dalam 30 DEC 1974 jk sementara

BADAN-BADAN Melayu setempat yang mempunyai kegiatan seni mempertahankan diri telah diseru supaya duduk dalam jawatankuasa penasihat sementara yang ditubuhkan oleh Majlis Sukan Singapura.

Penyertaan yang ramai dari badan-badan akan dapat mempertingkatkan lagi mutu seni silat kita ke taraf yang lebih sempurna agar dapat terus berkembang dengan luas.

Seruan tersebut telah dibuat oleh Presiden Persatuan Wanita dan Teruna (PERWANIT), Encik Ismaon Haji Ali di majlis Silaturrahim Perwanit yang diadakan di Dewan Lee Kong Chian, Penang Lane, kemarin.

Dia menambah: "Sebagaimana yang kita semua ketahu, setiap badan yang mempunyai kegiatan seni mempertahankan diri mesti mendaftarkan nama di bawah Unit Pengawalan Seni Mempertahankan Diri. Dan, itu adalah untuk kebaikan bersama.

Kegiatan

"Bagaimanapun, setelah berdaftar, adalah lebih baik jika kita sama-sama duduk dalam jawatankuasa penasihat sementara yang baru ditubuhkan oleh Majlis Sukan Singapura atas inisiatifnya sendiri demi faedah kita juga.

"Semuga, jawatankuasa penasihat itu akan dapat membela nasib badan-badan yang menjalankan kegiatan itu dan dengan itu akan dapat meluas dan meninggikan lagi taraf seni silat kita".

Presiden itu telah juga menyatakan harapannya agar badan-badan yang ada di sini dapat bekerjasama antara satu sama lain.

"Sikap mementingkan diri sendiri haruslah dihindarkan kerana dengan cara itu, kita akan berpeluang bertukar-tukar fikiran dan mengadakan pertukaran-pertu-

karan kegiatan," tambahnya.

Majlis Silaturrahim Perwanit itu telah dihadiri oleh lebih 100 orang dan ia dianjurkan oleh Seksi Pelajarannya.

Antara acara-acara yang dimuatkan dalam majlis tersebut ialah nyanyian, permainan muzik oleh anggota-anggota sendiri, tarian dan pertunjukan silat.

Konvesyen nasional untuk selaraskan silat perlu — Kadir

29 DEC 1974

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Timbalan Menteri Perhubungan, Datuk Wan Kadir Ismail hari ini menegaskan sudah sampai masanya seni silat mengadakan satu Konvesyen Nasional bagi menyatu dan menyelaraskan seluruh teknik silat nasional negara ini.

"Seni silat tersebut hendaklah disatu dan diselaraskan sehingga mencapai penyatuan tenaga dan penyetaraan usaha bagi memupuk keseluruhan seni silat ini," ujarnya.

Beliau memberitahu demikian ketika berucap dalam mesyuarat agung Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia di Kampung Baru di sini.

Dibukukan

Datuk Wan Kadir berkata, "Dengan mengadakan satu Konvesyen Nasional, semua kaedah seni silat ini dapat dibukukan dan diabadikan sebagai amal kepada jenerasi sekarang dan akan datang dalam bentuk yang kemas dan teratur."

Beliau menjelaskan pada masa sekarang, seni silat adalah beberapa jenis dengan sedikit perbezaan mengenai teknik dan fatwanwa seperti seni silat gayung, seni silat lincah, seni silat cekak, seni silat kalmah dan lain-lain.

"Seni silat di Pantar Timur ada pula sedikit perbezaan dengan seni silat di Utara Semenanjung Malaysia," katanya.

Seni silat juga, tambah beliau, pada masa ini telah cuba mengadakan penyesuaian dengan

Berita Minggu

lain-lain seni mempertahankan diri.

Datuk Wan Kadir memberitahu pihak Kerajaan telah berusaha untuk mengembang dan mengekalkan seni silat yang diwarisi sejak berzaman.

"Satu dari langkah Kerajaan untuk mencapai tujuan ini ialah mengadakan latihan seni silat di setiap pusat latihan Polis dan Tentera dan langkah tersebut memberi kesan yang membanggakan," tegasnya.

Usaha2

Sementara dari pihak orangramal pula, ujarnya, berbagai usaha telah diambil untuk memperkayakan seni silat ini.

"Pada baru-baru ini, Perastuan Seni Silat Universiti Malaya telah mengadakan satu pementasan silat perdana dengan menjemput seluruh persatuan seni silat yang terdiri dari berbagai corak dari seluruh negeri untuk menunjuk kepandaian mereka dalam seni mempertahankan diri," katanya.

Datuk Wan Kadir menerangkan usaha seperti ini patut diteruskan untuk memperkenalkan lagi seni silat.